

## 6.1 Kegiatan Pertanian Dagangan

British memperkenalkan pertanian dagangan iaitu kegiatan pertanian berorientasikan eksport.

galakkan orang asing untuk mengusahakan pertanian dagangan.

tanaman tradisional yang diusahakan oleh British:

### \* Lada hitam & gambir

diusahakan di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan & Sarawak.

dibawa masuk ke Johor pada kurun ke-19.

menjadi bahan eksport utama Johor sehingga awal kurun ke-20

diusahakan melalui sistem Kangcu.

### \* Buah pala & cengkih

diusahakan di Pulau Pinang untuk dieksport ke Eropah & China

buah pala lebih diutamakan kerana harganya mahal.

mula merosot selepas tahun 1850 kerana harganya tidak stabil

bunga cengkih akan dikeringkan & dijadikan ubat untuk dieksport ke China.

### # Tebu

ladang tebu dibuka di Seberang Perai & Perak.

permintaan terhadap gula meningkat di pasaran dunia.

1830-an : Seberang Perai menjadi pusat pengeluaran gula yang utama di NNS.

1900 : Perak sebagai pusat pengeluaran gula terbesar di Tanah Melayu

gula menjadi eksport penting Tanah Melayu selama hampir 50 tahun

### \* Ubi kayu & nanas

menjadi eksport penting Tanah Melayu

ubi kayu banyak ditanam di Melaka, Negeri Sembilan & Selangor

Industri mengetin nanas berpusat di Perak, Selangor & Johor

1940-an : Tanah Melayu merupakan pengeksport nanas dalam tin kedua terbesar di dunia.